

BAB III

KAEDAH KAJIAN

Pelaksanaan kajian ini berdasarkan tatacara reka bentuk, maklumat dokumen rasmi Sekolah Bestari Malaysia, pembinaan kategori dan aspek, prosedur mengumpul data, dan analisis dapatan.

A. Reka Bentuk

Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menganalisis elemen penting dalam dokumen-dokumen Sekolah Bestari Malaysia bagi melihat sama ada aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia mencerminkan kefahaman yang mendalam. Elemen-elemen penting dicerakinkan bagi mendapatkan :

1. Gambaran kenyataan dokumen Sekolah Bestari Malaysia tentang teori pelbagai kecerdasan
2. Gambaran huraihan dokumen Sekolah Bestari Malaysia tentang Struktur kurikulum berasaskan teori pelbagai kecerdasan.
3. Gambaran panduan dokumen Sekolah Bestari Malaysia tentang aplikasi pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori pelbagai kecerdasan.

B. Maklumat Dokumen Rasmi Sekolah Bestari Malaysia

Dua dokumen penting yang relevan dengan aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia ialah :

- Dokumen 1 : Aplikasi Perdana Sekolah Bestari - Satu Pelan Induk Konseptual Sekolah Bestari Malaysia.
- Dokumen 2 : Penilaian Bestari - Satu Pengenalan.

C. Pembinaan Kategori dan Aspek

Teori pelbagai kecerdasan mempunyai cakupan bidang yang luas dan pelbagai dimensi. Justeru, elemen-elemen penting tentang apa yang dikaji terfokus kepada pembinaan kategori dengan perincian aspek yang lebih khusus bagi memungkinkannya mewakili gambaran aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia. Pembahagian ini terbatas kepada tiga kategori penting iaitu kategori pertama menyentuh teori pelbagai kecerdasan, kategori kedua menyentuh struktur kurikulum berdasarkan teori pelbagai kecerdasan, dan kategori ketiga menyentuh aplikasi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teori pelbagai kecerdasan. Perincian aspek bagi setiap kategori adalah seperti berikut :

Kategori pertama menyenaraikan tiga aspek, iaitu aspek definisi berpandukan definisi Howard Gardner, Leslie Owen Wilson, Linda Campbell dan

rakan-rakan, dan aspek penggunaan istilah berpandukan penggunaan istilah David G. Lazear, Thomas Armstrong dan Elaine Winter.

Kategori kedua menyenaraikan dua aspek, iaitu aspek penekanan pengajaran dan pembelajaran. Reka bentuk peringkat ini tertumpu kepada pencungkilan kerangka, landasan dalam bentuk perincian berpandukan matlamat, persekitaran dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Aspek seterusnya ialah penekanan gaya pembelajaran yang melibatkan tafsiran, pegangan dan pengembangan yang boleh membantu mengukuhkan struktur kurikulum dalam konteks perubahan-perubahan yang diperlukan dalam merealisasikan pengaplikasian teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia.

Kategori ketiga menyenaraikan dua aspek aplikasi pengajaran dan pembelajaran. Pertama ialah aspek bentuk aplikasi yang melibatkan manipulasi sumber secara umum atau secara khusus, dan kedua ialah aspek syarat aplikasi berpandukan saranan empat syarat perubahan oleh Ellen Weber, yang perlu dipenuhi bagi membolehkan pengaplikasian teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia.

D. Prosedur Mengumpul Data

Kebenaran bertulis diperolehi daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, dan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mendapatkan data dan dokumen-dokumen berkaitan Sekolah Bestari Malaysia. Maklumat tentang teori pelbagai

kecerdasan diperolehi melalui kaedah kepustakaan dan kursus-kursus berkaitan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

E. Prosedur Menganalisis Data

Penganalisaan data disempurnakan mengikut kategori dengan perincian aspek yang dibina bersandarkan petunjuk kategori bagi mendapatkan gagasan gambaran tentang aplikasi teori pelbagai kecerdasan dalam Sekolah Bestari Malaysia. Petunjuk-petunjuk kategori berkisar tentang kenyataan, huraian, dan panduan kepada kategori dengan perincian aspek berkaitan.

F. Analisis Dapatan

Rumusan gagasan elemen melalui pembinaan kategori dengan perincian aspek berdasarkan petunjuk kategori dibuat bagi mendapat keputusan soalan penyelidikan :

1. Kefahaman pengertian teori pelbagai kecerdasan ditentukan dengan pernyataan dokumen Sekolah Bestari Malaysia tentang definisi, dan penggunaan istilah.
2. Kefahaman struktur kurikulum berdasarkan teori pelbagai kecerdasan ditentukan dengan huraian dokumen Sekolah Bestari Malaysia tentang penekanan pengajaran dan pembelajaran, dan gaya pembelajaran.

3. Kefahaman aplikasi pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori pelbagai kecerdasan ditentukan dengan panduan dokumen Sekolah Bestari Malaysia tentang bentuk, dan syarat aplikasi pengajaran dan pembelajaran.